

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

RGP 051 - Ekonomi untuk PBP

Tarikh: 9 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Polisi Fiskal dan Polisi Kewangan adalah dua dari alat yang sering digunakan untuk mencapai objektif-objektif ekonomi. Beri huraian ringkas mengenai polisi-polisi tersebut dan jelaskan bagaimana keduanya dapat mempengaruhi Industri Binaan.

(20 markah)

2. Pembinaan adalah merupakan satu sektor yang memainkan peranan penting dalam Sistem Ekonomi negara. Huraikan mengapa sektor ini penting dan bagaimana ia memainkan peranannya didalam sesebuah sistem ekonomi.

(20 markah)

3. Bincangkan mengenai perbezaan-perbezaan utama antara pinjaman Bank, Saham Biasa dan Debentur.

Terangkan mengapa pengeluaran syer baru untuk membiayai keperluan kewangan jangka pendek adalah satu perbuatan yang tidak wajar.

(20 markah)

4. Mengikut perangkaan tahun 1985, lebih 75% dari Firma Kontrak adalah terdiri dari Firma-Firma kecil yang berada dalam kelas-kelas D, E, EX dan F. Berikan hujjah anda mengapa keadaan ini wujud. Huraikan juga tentang kebaikan dan keburukan bagi Firma-Firma yang menjalankan operasinya pada skel yang kecil.

(20 markah)

5. Penentuan harga (kos) bagi sesebuah projek pembinaan antara lain boleh dibuat melalui kaedah-kaedah berikut:-

- (a) Secara kompetitif
- (b) Secara rundingan
- (c) Turnkey
- (d) Pendekatan Pengurusan Pembinaan

Beri huraian ringkas mengenai kaedah-kaedah tersebut.

(20 markah)

6. Tingkat persaingan antara Firma dalam satu-satu pasaran binaan biasanya dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu seperti berikut:-

- (a) Saiz projek
- (b) Kompleksiti
- (c) Jenis Projek
- (d) Lokasi projek

Jelaskan bagaimanakah faktor-faktor ini mempengaruhi tingkat persaingan tersebut.

(20 markah)

7. Firma-Firma kontrak pada amnya terbahagi kepada kelas-kelas tertentu. Huraikan mengenai EMPAT dari ciri yang dijadikan asas untuk pengkelasan tersebut. Pada pendapat anda adakah pengkelasan begitu wajar? Berikan sebab-sebabnya.

(20 markah)

8. Beri huraian ringkas mengenai LIMA daripada yang berikut:-
- (a) Kos melepas
 - (b) Keluk kemungkinan pengeluaran
 - (c) Hukum pulangan menurun
 - (d) Monopoli tulen
 - (e) Utiliti marginal
 - (f) Keanjalan permintaan

(20 markah)

-ooo00ooo-

